

**TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUP
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**KOLOKIU INOVASI PENYELIDIKAN
UNTUK KECEMERLANGAN KOPERASI**

**14 JULAI 2026 (SELASA)
3.45 PETANG
DEWAN DATO' ALI BAHARUM
ANGKASA**

Salam Sejahtera

Salam Malaysia MADANI dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah

rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama menghadiri **Kolokium Inovasi Penyelidikan Untuk Kecemerlangan Koperasi** yang dianjurkan oleh ANGKASA dengan kerjasama **Cooperative & Entrepreneurship Development Institute (CEDI), Universiti Utara Malaysia (UUM)**.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus merealisasikan program ini. Tidak dilupakan juga para peserta yang meluangkan masa untuk hadir sekali gus menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memperkasakan agenda penyelidikan dan inovasi bagi memacu kecemerlangan gerakan koperasi negara.

Hadirin yang saya hormati.

3. Sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan, ANGKASA sentiasa memperjuangkan aspirasi serta kepentingan Gerakan koperasi dan pada masa yang sama memainkan peranan sebagai wakil rasmi gerakan koperasi Malaysia di peringkat global, selain terus memperluaskan kefahaman masyarakat terhadap konsep, prinsip dan nilai koperasi sebagai sebuah model ekonomi yang mampan serta inklusif.
4. Untuk pengetahuan hadirin, aspirasi kerajaan untuk menjadikan sektor koperasi sebagai industri bernilai RM 100 Billion menjelang 2030. ANGKASA sentiasa komited untuk menjadi pemangkin kepada kecemerlangan gerakan koperasi melalui pelbagai inisiatif, program, perkhidmatan dan produk yang memberi nilai tambah kepada koperasi.

5. Antaranya termasuk pembangunan sektor kesihatan, projek pertanian dan perladangan di bawah Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) yang disalurkan oleh Kerajaan kepada gerakan koperasi melalui ANGKASA, pembangunan koperasi belia di institusi pengajian tinggi, agenda pendigitalan serta usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara.
6. **Usaha-usaha ini juga dilaksanakan selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030), Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) serta Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKom),** yang memberi penekanan kepada pendigitalan, keterjaminan makanan, teknologi hijau dan pembangunan ekonomi berasaskan inovasi. Justeru, penyelidikan koperasi perlu bersifat *demand-driven* agar

mampu menyokong keperluan dasar negara serta menghasilkan penyelesaian yang benar-benar memberi impak kepada gerakan koperasi.

7. **Walau bagaimanapun, kita juga menyedari bahawa sebahagian besar perolehan koperasi di Malaysia masih didominasi oleh sektor perbankan dan kredit yang merekodkan nilai melebihi RM70 bilion.** Keadaan ini menunjukkan masih terdapat ruang yang luas untuk memperkukuh inovasi dan meningkatkan prestasi dalam sektor lain.

8. Melalui penyelidikan yang berteraskan rantai bekalan (*supply chain research*), koperasi berpotensi mempelbagaikan aktiviti ekonomi ke sektor-sektor berimpak tinggi seperti pertanian moden, industri makanan, pemborongan dan peruncitan. Pendekatan ini bukan sahaja mampu

mengurangkan kebergantungan kepada sektor kredit, malah membantu mengurangkan peranan orang tengah, meningkatkan kecekapan agihan dan menyumbang kepada usaha kerajaan menangani isu kos sara hidup rakyat.

9. Justeru, penyelidikan merupakan satu proses yang amat penting dalam memastikan setiap inisiatif yang dirancang dibuat secara berasaskan bukti (*evidence-based*) dan melalui proses penelitian yang menyeluruh.

10. Hasil penyelidikan bukan sahaja membantu mengenal pasti keperluan sebenar gerakan koperasi, malah berupaya menghasilkan inovasi yang mampu memperkukuh jaringan dan rantaian nilai sektor ekonomi koperasi, membudayakan keusahawanan dalam kalangan koperasi, memperkasakan amalan tadbir urus berteraskan jati diri koperasi serta

mentransformasikan landskap ekonomi koperasi selaras dengan perkembangan teknologi dan inovasi semasa.

11. Sebagai contoh, **hasil penyelidikan boleh diterjemahkan kepada aplikasi teknologi seperti Internet of Things (IoT) dalam pertanian pintar, kecerdasan buatan (AI) bagi analisis pasaran dan pengurusan inventori, serta teknologi rantai blok (*blockchain*) bagi meningkatkan ketelusan tadbir urus dan rantai bekalan koperasi.** Inilah antara pendekatan yang akan mempercepat transformasi koperasi ke arah Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

Hadirin yang saya hormati

12. ANGKASA melihat penyelidikan sebagai satu pelaburan strategik yang akan menjadi asas kepada pembangunan gerakan koperasi

pada masa hadapan. Melalui perancangan tersusun, hasil penyelidikan yang dilaksanakan diharap dapat membantu ANGKASA mengenal pasti bidang-bidang strategik yang mempunyai impak tinggi serta berpotensi untuk diterokai demi memperkukuh pembangunan koperasi di Malaysia.

13. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, ANGKASA telah memperuntukkan sebanyak **RM100,000** melalui **Geran Penyelidikan ANGKASA** yang disalurkan kepada institusi-institusi terpilih. Geran ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pelaksanaan penyelidikan yang lebih komprehensif, berkualiti dan berimpak tinggi sekali gus menyumbang kepada pembentukan dasar serta strategi pembangunan koperasi negara yang lebih mantap.

14. Di samping itu, hasil penyelidikan yang dilaksanakan juga diharap dapat membantu ANGKASA membuat pertimbangan yang lebih tepat dalam proses membuat keputusan, khususnya dalam menyelesaikan pelbagai isu dan cabaran semasa melalui pendekatan *action research* yang bersifat praktikal, relevan dan berorientasikan penyelesaian.

Hadirin yang dihormati

15. Selain mengenal pasti bidang penyelidikan yang berpotensi tinggi untuk diterokai, ANGKASA komited membangunkan ekosistem penyelidikan koperasi yang lebih mampan serta merangka pelan tindakan penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang yang mampu menyokong agenda transformasi gerakan koperasi negara.

16. Sudah tentu salah satu hasratnya adalah membina ekosistem koperasi digital di seluruh negara agar gerakan koperasi lebih bersedia memanfaatkan teknologi data raya, automasi dan inovasi digital dalam memperkukuh daya saing serta penyampaian perkhidmatan kepada anggota.
17. Dalam masa yang sama, kita juga berharap hasil penyelidikan ini dapat diterbitkan dalam jurnal ilmiah, prosiding, monograf serta jurnal berindeks di peringkat tempatan dan antarabangsa bagi meningkatkan reputasi penyelidikan koperasi Malaysia di persada akademik.
18. Lebih penting lagi, segala dapatan penyelidikan yang dihasilkan melalui kolokium ini diharap dapat memperkukuh kedudukan ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi yang menjadi rujukan utama

kepada pembuat dasar, pentadbir koperasi, ahli akademik, penyelidik serta pelbagai pihak berkepentingan dalam pembangunan koperasi negara.

19. Melalui platform ini juga kita menghimpunkan para ilmuwan, penyelidik dan rakan strategik ANGKASA untuk berkongsi idea, pandangan serta pengalaman dalam memperkukuh jaringan kerjasama akademik, memperkaya wacana dasar negara dan memperkasakan pembangunan gerakan koperasi Malaysia secara berterusan.

Hadirin yang saya hormati

20. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan kolokium ini, khususnya kepada

kumpulan penyelidik yang telah bertungkus-lumus menjalankan kajian, menyediakan laporan penyelidikan dan berkongsi dapatan yang amat bernilai pada hari ini.

21. Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada Pusat Kecemerlangan ANGKASA atas kejayaan menganjurkan kolokium yang diyakini mampu memberikan manfaat besar kepada pembangunan gerakan koperasi negara.

22. Saya juga berharap segala kekurangan yang dikenal pasti melalui hasil penyelidikan ini dapat diterima dengan hati yang terbuka dan dijadikan panduan oleh kepimpinan ANGKASA untuk terus menambah baik dasar, strategi serta pelaksanaan program pada masa hadapan.

23. Manakala segala kekuatan dan kelebihan yang diperoleh pula diharapkan menjadi inspirasi kepada seluruh gerakan koperasi agar kita dapat terus melangkah seiring, berpaksikan semangat "**Duduk Sama Rendah, Berdiri Sama Tinggi**" demi memberi manfaat yang lebih besar kepada ummah.

24. Akhir sekali, saya mendoakan agar Kolokium Inovasi Penyelidikan Untuk Kecemerlangan Koperasi ini menjadi titik tolak kepada pembangunan budaya penyelidikan yang lebih progresif, inovatif dan berimpak tinggi sekali gus membuka dimensi baharu kepada ANGKASA untuk terus melangkah lebih jauh sebagai peneraju pembangunan penyelidikan koperasi di Malaysia.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.